

GIGI GERAHAM BONGSU

MAKLUMAT PESAKIT: MEMBANTU ANDA MEMBUAT PILIHAN BIJAK

PUSAT PERGIGIAN U 优牙科中心 U DENTAL CENTER

大学城 Taman U : 26A, Jalan Kebudayaan 1, Taman Universiti, 81300 SKUDAL. Tel/Fax:607-521 1111, 607-5208508. SMS: 6014-888 9000

武吉英达 Bukit Indah : 30A, Jln. Indah 16/5, Taman Bukit Indah, 81200 Johor Bahru. Tel: 07-232 GIGI, 07-232 4444, SMS:6 014-9 900 900

新山 大丰 Taman Sentosa : 25A, Jalan Sutera, Taman Sentosa, 80150 Johor Bahru. Tel : 07-3333 000 SMS: 6014 800 2000

新山 UDA/Tampoi : 39-01, Jalan Padi Emas 1/3, Uda Business Center, Bandar Baru UDA, 81200 Johor Bahru Tel:607-2 444 666 HP:016-6 800100

百合 Taman Molek: 84-01, Jalan Molek 2/2, Taman Molek, 81100 Johor Bahru. Tel : 016-6 300 500

www.gigi.my info@gigi.my


Gigi geraham bongsu adalah gigi molar ketiga (terakhir). Manusia biasanya mempunyai 4 gigi geraham bongsu, 2 di atas dan 2 di bawah, biasanya keluar antara umur 18-25 tahun. Gigi geraham bongsu atas biasanya tidak banyak masalah, tetapi gigi geraham bongsu bawah biasanya tidak cukup tempat untuk keluar, iaitu terbenam atau keluar mencondong.



MASALAH GIGI GERAHAM BONGSU

- Sumbatan makanan berbau busuk
- Gusi yang meliputi gigi bengkak; demam.
- Merosakan gigi di depan serta tulang dan gusi sekitarnya (Jika gigi di depan rosak teruk, cabutan gigi depan tersebut (bukan geraham bongsu) mungkin diperlukan)
- Gigi depan menjadi berlubang, sensitif atau sakit
- Pipi dan leher bengkak, mulut tidak boleh buka luas.
- Kesakitan mungkin merebak ke leher, telinga, kepala malahan gigi berdekatan.
- Gigi geraham di depan mungkin teralih/jam/condong sebab tekanan dari belakang
- Gigi yang terkeluar mungkin ganggu gigitan misalnya gigitan tinggi (gigi atas dan bawah terlanggar sebelum gigitan penuh) Rahang bawah mungkin gigit terserong, posisi rahang bawah dan otot yang tidak betul mungkin ketidakelesaan sendi rahang atau otot sekitar sendi.
- Gigi mungkin melemahkan rahang bawah, lebih mudah pecah apabila pembedahan atau terkena daya kuat.
- Ketumbuhan tidak normal terjadi, menghakis tulang berdekatan.
-

Cabut atau Tinggalkan?



Jika gigi tersebut membawa masalah berulang kali kepada anda, adalah lebih baik ia **DICABUT** secepat mungkin (misalnya bengkak yang kerap, sumbatan makanan yang susah dibersihkan).

Cabutan Pilihan/Eltkif

Jika rawatan orthodontic dirancang, cabutan boleh dilakukan untuk mengelakkan gangguan pada gigi geraham yang berada di depan. Cabutan boleh dilakukan pada umur 16-18 sebelum

Doktor gigi akan menerangkan kebaikan dan keburukan dan mendapatkan persetujuan pesakit. Pesakit akan membuat keputusan yang muktamad.

Jika gusi sedang bengkak, antibiotik akan diberikan selama 3-5 hari sebelum cabutan.

LANGKAH-LANGKAH MENGELUARKAN/MENCABUT

- Suntikan ubat kebas.
- Gusi dibuka bila perlu.
- Gigi di bahagikan menjadi dua bahagian: kepala dan akar.
- Jika perlu, sebahagian tulang berdekatan dengan gigi mungkin perlu di kisar.
- Serpihan kepala gigi dikeluarkan, diikuti dengan akar.
- Jahitan untuk menutup luka.

Panjang Masa Cabutan?

Pembedahan/cabutan atas bergantung kepada arah gigi terbenam (samaada menegak, condong ataupun 'tidur'), berapa dalam hingga gigi terbenam. Ia mengambil masa 15 minit hingga lebih daripada 1 jam.

PENJAGAAN SELEPAS PEMBEDAHAN

Satu risalah bertulis akan diberi kepada pesakit yang menjalankan pembedahan/cabutan. Ia menerangkan cara penjagaan lepas pembedahan/cabutan, apa yang patut dibuat dan tidak patut dibuat, apa yang dijangka dan sebagainya.

Pesakit dinasihatkan datang memeriksa luka dalam masa satu atau dua hari. Pesakit dinasihatkan berehat di rumah untuk sehari dua. Jika perlu, buka benang dalam masa 1 minggu.

KOMPLIKASI YANG MUNGKIN:

- Komplikasi biasa selepas cabutan iaitu mungkin sakit, berdarah, terinfeksi (diserang kuman).
- Bengkak otot dan bukaan mulut terhad.
- Bengkak pada kelenjar berdekatan kerongkong.
- Tepi bibir mungkin berulser kerana geseran sarung tangan doktor. Inflamasi/keradangan di atas adalah reaksi badan terhadap luka dan akan hilang dalam masa dua tiga hari.

Risiko

Setiap prosedur pergigian mempunyai risiko tersendiri.

Resiko dapat diminimalkan dengan perancangan yang teliti dan pembedahan yang halus.

- Gigi atau tampalan yang bersebelahan retak.
- Saraf bawah gigi ataupun lidah tertekan/tercedera, mungkin kebas pada sudut mulut ataupun sebahagian lidah. Keadaan ini mungkin mengambil beberapa minggu untuk menjadi normal ataupun kekal seumur hidup.
- Tulang rahang/pecah.

Kos: Tertakluk kepada perubahan dan perbezaan antara individu:

- Kos pembedahan kecil biasanya lebih tinggi daripada kos cabutan biasa
- Sinaran-X: RM50 (Kecil) – RM120 (besar).
- Pembedahan kecil: RM700-1000
- Gerudi guna buang yang hanya boleh dipakai sekali (>RM65)
- Jahitan khas, ubat memerlukan kos lebih.

Perancangan sebelum pembedahan yang teliti di perlukan. Pengambilan gambar sinaran-X biasanya di perlukan.

Mengikut prosedur standard di klinik ini, tiada alat yang di benarkan berdekatan dengan pangkal lidah. Doktor akan mengambil pendekatan dari pipi dan bukan dari sebelah lidah untuk mengurangkan komplikasi yang tidak diinginkan.

Pemotongan/pembahagian gigi yang dalam tidak di benarkan, paling maksima di leher gigi.

Penutup

Cabutlah gigi geraham bongsu yang bermasalah secepat mungkin. Apabila umur semakin meningkat, tulang menjadi lebih keras dan cabutan gigi geraham bongsu mungkin lebih susah dan lebih berisiko.